



PROTOKOL PENGENDALIAN

Amalan Perancang Keluarga yang Berkesan di Kalangan Pelanggan Berisiko di Peringkat Penjagaan Kesihatan Primer





**PROTOKOL PENGENDALIAN AMALAN
PERANCANG KELUARGA YANG BERKESAN
DI KALANGAN PELANGGAN BERISIKO
DI PERINGKAT PENJAGAAN
KESIHATAN PRIMER**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMASKINI MAC 2014

KANDUNGAN	MUKASURAT
PERKARA	
1. Objektif Protokol	2
2. Pengenalan	2
3. Latar belakang	3
4. Justifikasi Pemilihan Indikator	3
5. Indikator, Formula dan Standard	4
5.1 Definisi Pelanggan Berisiko dan Pelanggan Berisiko Berdaftar	
6. Objektif	5
6.1 Objektif Am	
6.2 Objektif Khusus	
7. Definisi	5-7
8. Carta Alir Pengendalian Pelanggan Perancang Keluarga Berisiko	8-9
9. <i>Model of good care</i> : Langkah-langkah Penting Dalam Perkhidmatan Perancang Keluarga	10
9.1 Mengenalpasti Kumpulan Berisiko Untuk Hamil	10
9.2 Pendaftaran Pelanggan	11
9.3 Khidmat Kaunseling	11
9.4 Penggunaan Buku Panduan Kriteria Kelayakan Perubatan dan Soal Jawab Amalan Penggunaan Kaedah Kontraseptif	13
9.5 Pengesanan Kes Keciciran	13
9.6 Pengurusan Bekalan Bahan Kontraseptif	15
10. Laporan Aktiviti Perancang Keluarga	15
10.1 Format Laporan/ Reten Di Setiap Peringkat	
11. Rujukan	16
12. Lampiran	17
QAP/PK/01 Senarai Semak Keadaan Kehamilan Berisiko	18
QAP/PK/02a Kad Perancang Keluarga Sementara	19
QAP/PK/02b Kad Temu Janji	21
QAP/PK/03 Prosedur Operasi Piawai Bagi Aktiviti Perancang Keluarga Berisiko	23-30
QAP/PK/06 Panduan Proses Kaunseling Perancang Keluarga	31
QAP/PK/07 Panduan Mengesan Kes Keciciran Perkhidmatan Perancang Keluarga	32
QAP/PK/09 Panduan Penyediaan Anggaran Keperluan Dan Urusan Pembelian Bahan Kontraseptif (Peringkat Pejabat Kesihatan Daerah)	33
QAP/PK/10 Panduan Pengawalan dan Pemantauan Stok Kontraseptif di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa dan Carta Alir Kawalan dan Pemantauan Stok Kontraseptif di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa	34-35
QAP/PK/11 Senarai Semak Urusan Bekalan Bahan Kontraseptif	36
QAP/PK/20 Buku Daftar Kes-kes Berisiko Yang Dikesan	37
QAP/PK/20a Arahan Mengisi Buku Daftar Kes-Kes Berisiko Yang Dikesan	38
QAP/PK/21 Laporan Bulanan/Tahunan Amalan Perancang Keluarga (Pind.3/2014) Berkesan di Kalangan Pelanggan Berisiko – Indikator Penggunaan	39
QAP/PK/21a Arahan Mengisi Laporan Amalan Perancang Keluarga (Pind.3/2014) Yang Berkesan Di Kalangan Pelanggan Berisiko - Indikator Penggunaan	40
QAP/PK/22 Laporan Bulanan/Tahunan Amalan Perancang Keluarga (Pind.3/2014) Berkesan di Kalangan Pelanggan Berisiko – Indikator Kualiti	41
QAP/PK/22a Arahan Mengisi Laporan Amalan Perancang Keluarga (Pind.3/2014) Yang Berkesan Di Kalangan Pelanggan Berisiko- Indikator Kualiti	42
QAP/PK/23 Contraceptive Effectiveness Rates of Unintended Pregnancies per 100 Women	43
12. Penghargaan	44

1. Objektif Protokol

Protokol ini menggariskan langkah-langkah pemantauan dan penilaian pelaksanaan aktiviti perancang keluarga menggunakan indikator kualiti sebagai pengukur kepada keberkesanan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

2. Pengenalan

2.1 Sejak 1966, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mengkoordinasi program perancang keluarga negara. Objektif jangka panjang adalah untuk mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk Malaysia daripada 3% kepada 2% dalam tempoh 20 tahun. Dari tahun 2000 hingga 2010, purata kadar pertumbuhan penduduk telah menurun kepada 2%¹.

2.2 Setiap tahun anggaran seramai 585 ribu wanita mati akibat daripada komplikasi kehamilan dan kelahiran. 25%-33% daripada jumlah kematian wanita dalam usia reproduktif di negara-negara sedang membangun adalah kematian ibu hamil. Beberapa kajian juga mendapati **amalan perancang keluarga** adalah **rendah** iaitu dalam lingkungan **38% - 54%** di kalangan ibu berisiko tinggi. Kadar prevalen kontraseptif di Malaysia pada tahun 2004 adalah rendah iaitu sebanyak 51.8%² berbanding negara-negara jiran seperti Thailand iaitu sebanyak 72%³.

2.3 Kehamilan di kalangan wanita yang berisiko tinggi adalah merbahaya kepada kesihatan ibu dan juga bayi. Aktiviti perancang keluarga perlu ditumpukan kepada wanita berisiko tinggi dan ianya selaras dengan wawasan Kementerian Kesihatan Malaysia :

“Malaysia akan menjadi sebuah negara terdiri daripada individu, keluarga dan masyarakat yang sihat melalui sistem kesihatan yang adil dan saksama, cekap, mampu disediakan dan diperolehi, berteknologi dan bersesuaian dengan persekitaran.”

Ianya juga bertujuan untuk mencapai sasaran MDG 4 dan MDG 5 iaitu menurunkan kadar kematian ibu serta kadar kematian kanak-kanak. Ini termasuk meningkatkan kecapaian sejagat perancang keluarga serta kesihatan reproduktif.

2.4 Justeru itu, adalah penting diwujudkan satu indikator dalam bentuk kualitatif bagi aktiviti perancang keluarga. Sebelum ini indikator dalam bentuk kuantitatif memang sedia ada seperti bilangan penerima baru dan ulangan dan jenis kontraseptif yang sering digunakan.

2.5 Antara impak kepada pelaksanaan indikator ini adalah:

- a. Meningkatkan produktiviti dan sosio-ekonomi wanita dalam golongan umur reproduktif (15 – 49 tahun) pada tahap yang optimum.
- b. Menurunkan kadar kehamilan dan kematian di kalangan wanita berisiko tinggi.
- c. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti kanak-kanak dikalangan kehamilan berisiko tinggi.

¹ Bahagian Perangkaan Malaysia

² *Malaysia Population Family Survey 2004*, LPPKN

³ *World Health Statistics 2006*

3. Latar Belakang

- 3.1 Kementerian Kesihatan mula mengambil alih sepenuhnya aktiviti perancang keluarga dari LPPKN mulai tahun 1999 apabila agensi tersebut mengalami pengstrukturatan semula. Walau bagaimanapun, LPPKN masih bertanggungjawab mengawasi isu kependudukan dan pembangunan keluarga serta pengurusan data berkaitan perancang keluarga.
- 3.2 Sejalan dengan matlamat sistem penjagaan kesihatan iaitu kesejahteraan/*wellness focus*, maka perancangan keluarga merupakan salah satu aspek yang menentukan kesejahteraan seseorang individu dan sesebuah keluarga.
- 3.3 Di peringkat antarabangsa, dalam konferen berkaitan penduduk dan pembangunan (ICPD) pada tahun 1994 menyatakan;

'the aim of family planning programmes must be enable couples and individuals to decide freely and responsibly the number and spacing of their children and to have information and means to do so and to ensure informed choices and make available a full range of safe and effective methods.....'(ICPD,7.12).

- 3.4 Selain itu, salah satu tunggak '*safe motherhood initiative*' ialah perancang keluarga. Laporan penyiasatan sulit kematian ibu hamil tahun 2001-2005 mendapati **60%-70% kematian ibu** berlaku di kalangan ibu-ibu hamil tidak mengamalkan sebarang kaedah perancang keluarga⁴.
- 3.5 Jarak kehamilan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan bagi Penyiasatan Kematian Ibu adalah **2 tahun** agar ibu kembali pulih dari semua aspek (fizikal, fisiologi, emosi, mental, sosial, ekonomi dan lain-lain)⁵.

4. Justifikasi Pemilihan Indikator

- 4.1 Indikator sedia ada bagi mengukur keberkesanan aktiviti perancang keluarga KKM kebanyakannya lebih bersifat kuantitatif. Selaras dengan peranan utama yang dimainkan oleh kementerian dalam aktiviti perancang keluarga, sewajarnya indikator berbentuk kualitatif diwujudkan.
- 4.2 Pengamal berisiko untuk kehamilan diberi penekanan sebagai kumpulan sasaran kerana setakat ini tiada data yang dapat memberikan status amalan perancang keluarga di kalangan mereka.
- 4.3 Kaedah perancang keluarga kod 1 iaitu pil kontraseptif hormonal, alat dalam rahim, suntikan, implan dan steralisasi ditetapkan sebagai **amalan yang berkesan** berdasarkan kaedah perancang keluarga yang mempunyai *Pearl Index* kurang dari 9. Kondom tidak dimasukkan dalam kaedah perancang keluarga kod 1 walaupun *Pearl Indexnya* kurang dari 9 dengan penggunaan yang betul kerana sukar untuk dipantau⁶.

⁴ Report on The Confidential Enquiries Into Maternal Deaths in Malaysia 2001-2005, Division of Family Health Development, Ministry of Health Malaysia, 2008).

⁵ Garis panduan Ibu-ibu berisiko, 1989, surah Al-Baqarah ayat 233

⁶ Rujukan: Family Planning A Global Handbook For Providers – John Hopkins, World Health Organization, United States Agency for International Development, 2008)

5. Indikator, Formula dan Standard

** PENGIRAAN NUMERATOR DAN DENOMINATOR BAGI PROTOKOL INI HANYA MENGAMBIL KIRA **WARGANEGARA MALAYSIA** DAN **LEGAL IMMIGRANTS** SAHAJA

Indikator Penggunaan	Formula	Std	Skop
Peratus Pelanggan berisiko yang mengamal perancang keluarga kod 1 dalam tahun semasa	$\frac{\text{Jumlah Pelanggan berisiko yang amal kod 1 pada tahun semasa}}{\text{Jumlah Pelanggan berisiko yang berdaftar pada tahun semasa}} \times 100$	80%	Keberkesanan Kaunseling
Indikator Kualiti	Formula	Std	
Peratus Pelanggan berisiko yang mengamal perancang keluarga berkesan	$\frac{\text{Jumlah Pelanggan berisiko yang berjaya amal}}{\text{Jumlah Pelanggan berisiko yang berdaftar}}$ <p>* Pelanggan berisiko yang berjaya amal ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah perancang keluarga kod 1 selama 2 tahun atau minimum 18 bulan bagi ibu postnatal yang mengamalkan LAM dalam tempoh 6 bulan pertama. <p>DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak hamil dalam tempoh 2 tahun dari mula amal atau 2 tahun dari tarikh bersalin bagi ibu postnatal. 	70%	

5.1 Definisi Pelanggan Berisiko dan Pelanggan Berisiko Berdaftar:

- 5.1.1 Pelanggan berisiko adalah pelanggan yang mempunyai keadaan kehamilan berisiko mengikut lampiran QAP/PK/01. Mereka ini berpotensi mendapat morbiditi dan mortaliti sekiranya hamil.
- 5.1.2 Pelanggan berisiko yang berdaftar ialah pelanggan berisiko yang didaftar dalam Buku Daftar Kes-Kes Berisiko Yang Dikesan (lampiran QAP/PK/20).

6. Objektif

6.1 Objektif Am

Mengurangkan morbiditi dan mortaliti di kalangan ibu dan anak akibat kehamilan dan/atau komplikasi kehamilan melalui amalan perancang keluarga yang berkesan.

6.2 Objektif Khusus

- Memastikan perkhidmatan perancang keluarga mengikut *model of good care* yang telah ditetapkan.
- Menentukan keberkesanan kaunseling dalam memberikan perkhidmatan perancang keluarga iaitu menggunakan kod 1 pada tahun semasa (indikator penggunaan) dan berterusan selama 2 tahun (indikator kualiti).


7. Definisi


7.1	Pelanggan	Pelanggan perkhidmatan perancang keluarga.
7.2	Pelanggan wanita yang layak	Semua wanita dalam kumpulan reproduktif yang berpotensi untuk hamil.
7.3	Pelanggan berisiko	Pelanggan yang dikesan mempunyai risiko berpandukan senarai keadaan kehamilan berisiko (lampiran QAP/PK/01) .
7.4	Pelanggan berisiko berdaftar	Pelanggan yang dikesan mempunyai risiko berpandukan senarai keadaan kehamilan berisiko (lampiran QAP/PK/01) dan didaftarkan dalam Buku Daftar Kes-Kes Berisiko Yang Dikesan (lampiran QAP/PK/20) .
7.5	Pengamal	Penerima baru, penerima ulangan dan pengamal semula perancang keluarga.
7.6	Pengamal perancang keluarga berisiko	Pengamal perancang keluarga yang dikesan mempunyai risiko berpandukan Senarai Keadaan Kehamilan Berisiko (lampiran QAP/PK/01) .
7.7	Pelanggan berisiko yang berjaya amal	Pengamal perancang keluarga berisiko yang berjaya mengamal kaedah perancang keluarga kod 1 selama 2 tahun atau minimum 18 bulan bagi ibu postnatal yang mengamal kaedah LAM selama 6 bulan pertama DAN tidak hamil dalam tempoh 2 tahun dari mula amal atau 2 tahun dari tarikh bersalin bagi ibu postnatal.
7.8	Pearl Index	Bilangan kehamilan yang terjadi semasa menggunakan kaedah perancang keluarga yang khusus bagi setiap 100 wanita dalam tempoh setahun.

7.9	Kaedah perancang keluarga kod 1	Kaedah perancang keluarga yang mempunyai <i>Pearl Index</i> kurang dari 9 iaitu kaedah sterilisasi (vasektomi, ligasi tiub), kaedah hormonal kontraseptif (oral, suntikan, implant) dan kaedah alat dalam rahim.
7.10	Kaedah perancang keluarga kod 2	Kaedah perancang keluarga halangan seperti kondom dan cervical cap yang mempunyai <i>Pearl Index</i> dari 10 hingga 32 (lampiran QAP/PK/23).
7.11	Kaedah perancang keluarga kod 3	Kaedah perancang keluarga semulajadi seperti kaedah kepekatan mucus servikal (<i>Billing's method</i>), kalendar, azal dan <i>Lactational Amenorrhea Method</i> (LAM) dan tradisional yang mempunyai <i>Pearl Index</i> 25 dan ke atas . <i>*Lactational Amenorrhea Method (LAM) tidak dikira sebagai kaedah perancang keluarga yang berkesan kerana tempoh keberkesanannya tidak sampai 2 tahun. Walaubagaimanapun ia merupakan satu kaedah perancang keluarga yang berkesan jika diamalkan dalam tempoh enam bulan pertama selepas bersalin dengan Pearl Index 2.</i>
7.12	Pelanggan berisiko pindah masuk	Pengamal perancang keluarga yang telah didaftarkan di luar kawasan operasi sebagai kes berisiko tetapi telah berpindah masuk dan membuat lawatan susulan di fasiliti kesihatan baru sekurang-kurangnya selama 3 bulan. (Nota: bagi mereka yang masuk sementara, hanya bekalan kontraseptif diberi tanpa perlu didaftarkan)
7.13	Pelanggan berisiko pindah keluar	Pelanggan/Pengamal berisiko yang telah didaftarkan di dalam suatu kawasan operasi sebagai kes berisiko tetapi: <ul style="list-style-type: none"> • telah bermastautin ke tempat lain iaitu melebihi 3 bulan dari tarikh temujanji dan / atau; • mendapatkan bekalan kontraseptif dari mana-mana agensi lain melebihi 3 bulan.
7.14	Pelanggan berisiko berhenti amal	Pengamal perancang keluarga berisiko yang berhenti mengamal selepas 3 bulan dari tarikh temujanji.

7.15	Pelanggan berisiko yang menjadi pengamal kekal	<p>Pelanggan yang telah menjalani sterilisasi (ligasi tiub/vasektomi).</p> <p>Didaftarkan sekali sahaja dalam PKW101Pind. 2/2007 dan dikekalkan dalam daftar.</p> <p>Bagi pengiraan indikator kualiti, pelanggan ini hanya diambil kira pada tahun pertama didaftar sebagai pengamal. Pengamal ini tidak perlu didaftar sebagai pengamal semula setelah tamat tempoh 2 tahun.</p>
7.16	Pelanggan cicir	Pelanggan yang tidak hadir untuk temujanji selepas 1 minggu dari tarikh temujanji yang diberi.
7.17	Indikator Kualiti	Peratus Pelanggan berisiko yang berjaya amal kaedah perancang keluarga kod 1 selama 2 tahun atau minimum 18 bulan bagi ibu postnatal yang mengamal kaedah LAM selama 6 bulan pertama dan tidak hamil dalam tempoh 2 tahun.
7.18	Indikator Penggunaan	Peratus Pelanggan berisiko yang didaftar mengamal kaedah perancang keluarga kod 1 dalam tahun semasa.

8. Carta Alir Pengendalian Pelanggan Perancang Keluarga Berisiko





Sila rujuk lampiran QAP/PK/03 Prosedur Operasi Piawai Bagi Aktiviti Perancang Keluarga Berisiko sebagai penerangan kepada carta alir di atas.

9. *Model of Good Care: Langkah-Langkah Penting Dalam Perkhidmatan Perancang Keluarga*

Terdapat **6 langkah penting** dalam perkhidmatan perancang keluarga. Sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan, maka akan menjejaskan kualiti perkhidmatan tersebut;

- 9.1 Mengenalpasti kumpulan berisiko untuk hamil
- 9.2 Pendaftaran pelanggan
- 9.3 Khidmat kaunseling
- 9.4 Penggunaan Buku Panduan Kriteria Kelayakan Perubatan dan Soal Jawab Amalan Penggunaan Kaedah Kontraseptif (MOH/K/ASA/42.06(HB))
- 9.5 Pengesanan kes keciciran
- 9.6 Pengurusan bekalan bahan kontraseptif

Sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan, maka ia akan menjejaskan kualiti perkhidmatan yang diberi

9.1 **Mengenalpasti Kumpulan Berisiko Untuk Hamil (*Entry Points*)**

- 9.1.1 Proses mengenalpasti kumpulan yang berisiko untuk hamil merupakan langkah pertama yang penting dalam pemberian perkhidmatan perancang keluarga.
- 9.1.2 Pelanggan ialah wanita yang layak yang boleh dikenalpasti dari sesi klinik berikut:
 - Perkhidmatan pra kehamilan
 - Perkhidmatan Antenatal
 - Perkhidmatan Postnatal
 - Pendaftaran kes berisiko dibuat semasa kedatangan postnatal dalam **QAP/PK/20**
 - Perkhidmatan Pesakit Luar
 - Klinik Pakar Hospital
 - Wad Antenatal/Postnatal
 - Klinik Bergerak
 - Klinik 1 Malaysia
 - Klinik Bergerak 1 Malaysia
 - Pelanggan '*walk in*' ke perkhidmatan perancang keluarga
- 9.1.3 Petugas kesihatan boleh mengenalpasti faktor risiko pelanggan yang layak berpandukan senarai keadaan kehamilan berisiko seperti di lampiran **QAP/PK/01**.
- 9.1.4 Pelanggan yang berisiko yang dikenalpasti perlu didaftarkan dalam Buku Daftar Kes-Kes Berisiko Yang Dikesan **QAP/PK/20**.
- 9.1.5 Kes Antenatal yang berisiko tinggi ditandakan biru di sebelah kiri kad antenatal KIK/1(a)/96 dan KIK/1(b)/96 **TANPA** didaftarkan dalam QAP/PK/20

9.2 Pendaftaran Pelanggan

- 9.2.1 Pelanggan berisiko dan tidak berisiko yang mengamalkan kaedah perancang keluarga kod 1 dan kod 2 didaftarkan dalam Buku Pendaftaran Perancang Keluarga PKW 101 Pind. 2/2007.
- 9.2.2 Kad Sementara Perancang Keluarga (**QAP/PK/o2a**) dibuka untuk:-
- Pelanggan berisiko yang mengamalkan kod 3
 - Pelanggan berisiko yang tidak mengamalkan sebarang kaedah perancang keluarga
- 9.2.3 Kad Perancang Keluarga PKW1(a)/06 dibuka untuk mengamalkan kaedah perancang keluarga kod 1 dan kod 2 sahaja.
- 9.2.4 Panduan melekat tag warna adalah seperti berikut:

Tag Biru	<ul style="list-style-type: none"> • Tag ini menunjukkan pelanggan tersebut adalah kes berisiko. • Ia dilekatkan pada : <ul style="list-style-type: none"> • Kad rekod kesihatan ibu hamil KIK/1(a)96 dan KIK/1(b)96 – lekatkan tag biru di sudut atas kiri kad • Kad Pengamalan Perancang Keluarga PKW1(a)/06 - lekatkan tag biru di sudut atas kanan kad • Tuliskan tarikh mula amal Kod 1 pada sebelah atas tag biru. Bagi yang mengamalkan kaedah kod 2 tidak perlu tulis tarikh. • Tag biru juga hendaklah dilekatkan pada kad temujanji pelanggan yang berisiko.
Tag Ungu	<ul style="list-style-type: none"> • Tag ini menunjukkan pelanggan berisiko yang BERJAYA mengamalkan kaedah kod 1 selama 2 tahun atau 18 bulan bagi ibu postnatal yang mengamalkan LAM. • Ia dilekatkan menutupi satu pertiga kanan dari tag biru. • Tuliskan tarikh tamat di sebelah bawah tag ungu.

- 9.2.5 Bagi pelanggan yang berhenti amal sebelum genap 2 tahun dan ingin mengamalkan semula perlu didaftarkan sebagai kohort baru. Walaubagaimanapun, pengamalan masih diambilkira sebagai denominator kohort terdahulu.

9.3 Khidmat Kaunseling

- 9.3.1 Kaunseling merupakan langkah penting dalam pengendalian pelanggan perancang keluarga.
- 9.3.2 Kaunseling hendaklah diberikan kepada semua kes berisiko yang datang ke perkhidmatan perancang keluarga. Mereka dapat dikesan semasa antenatal dan juga yang dirujuk dari klinik prakehamilan, wad antenatal, wad postnatal, klinik pesakit luar, klinik kesihatan bergerak, klinik pakar hospital, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1 Malaysia.

- 9.3.3 Pelanggan serta pasangan hendaklah diberi kaunseling berkaitan amalan dan kaedah perancang keluarga yang berkesan. Di akhir sesi kaunseling, pelanggan akan mendapat pengetahuan dan membuat keputusan serta pilihan sendiri kaedah yang sesuai (***informed choice***).
- 9.3.4 Anggota kesihatan akan menggunakan Panduan Pengendalian Proses Kaunseling Perancang Keluarga (**lampiran QAP/PK/06**) bagi memastikan keberkesanan sesuatu sesi kaunseling yang dijalankan.
- 9.3.5 Selepas sesi kaunseling, pelanggan yang berminat untuk menerima kaedah perancang keluarga, saringan kesihatan dibuat dan kesesuaian kaedah dipilih mengikut Buku Panduan Kriteria Kelayakan Perubatan dan Soal Jawab Amalan Penggunaan Kaedah Kontraseptif (MOH/K/ASA/42.06(HB)).
- 9.3.6 Jika pelanggan berhenti amal kaedah perancang keluarga dengan jarak kehamilan sebelum 2 tahun:
- i. Anggota Kesihatan perlu mengetahui sebab-sebab pelanggan berhenti, berpandukan sebab-sebab seperti di bawah. Catitkan Kod Berhenti dan tarikh berhenti dalam Buku Pendaftaran Pelanggan Perancang Keluarga PKW 101 Pind. 2/2007.

KOD BERHENTI	SEBAB BERHENTI
1	Hamil
2	Tempoh kelahiran terakhir telah mencapai 2 tahun
3	Risiko telah berubah
4	Mengalami kesan sampingan akibat penggunaan kaedah perancang keluarga
5	Keinginan untuk menyempurnakan keluarga (<i>to complete family</i>) atas sebab-sebab seperti faktor usia, masalah perubatan (seperti endometriosis, diabetes, hypertension) dan sebagainya.
6	Kemahuan pelanggan
7	Faktor sosio-ekonomi
8	Faktor keagamaan
9	Faktor budaya
10	Sebab-sebab lain

- ii. Kaunseling perlu diberi kepada pelanggan yang berhenti amal perancang keluarga sekiranya tempoh jarak kehamilan sebelum 2 tahun. Sekiranya perlu, penilaian semula faktor risiko perlu dijalankan kerana berkemungkinan faktor risiko telah berubah mengikut situasi.
- 9.3.7 Pelanggan yang menukar kaedah perancang keluarga kerana sebab-sebab tertentu, kaunseling perlu diberi mengikut kesesuaian. Buku Pendaftaran Perancang Keluarga PKW 101 Pind. 2/2007 perlu dikemaskini. Beri tarikh lawatan susulan mengikut panduan yang terdapat di dalam Kad Perancang Keluarga.

- 9.3.8 Pelanggan yang ingin berhenti amalan perancang keluarga selepas 2 tahun tidak hamil, penilaian faktor risiko perlu dibuat semula. Jika perlu, kaunseling diberi kerana berkemungkinan faktor risiko adalah kekal atau berulang.
- 9.3.9 Pelanggan yang mempunyai risiko kekal seperti *Eisenmenger's syndrome*, kegagalan jantung, kegagalan buah pinggang kronik, *tight mitral stenosis*, amalan perancang keluarga mesti diteruskan kerana kehamilan akan membahayakan nyawa pelanggan. Sebaik-baiknya kaedah kekal seperti ligasi tiub/vasektomi dilakukan.
- 9.3.10 Bagi pelanggan berisiko yang enggan mengamal kod 1, keperluan sesi kaunseling adalah bergantung kepada penilaian oleh anggota kesihatan.


9.4 Penggunaan Buku Panduan Kriteria Kelayakan Perubatan & Soal Jawab Amalan Penggunaan Kaedah Kontraseptif

- 9.4.1 Penggunaan **Buku Panduan Kriteria Kelayakan Perubatan & Soal Jawab Amalan Penggunaan Kaedah Kontraseptif** adalah salah satu langkah penting dalam memberi perkhidmatan perancang keluarga.
- 9.4.2 Garispanduan ini membantu petugas kesihatan semasa sesi kaunseling dijalankan. Setelah faktor risiko dikenalpasti serta pemeriksaan fizikal dan ujian makmal dijalankan, petugas kesihatan akan membantu pelanggan memilih kaedah kontraseptif yang sesuai dan selamat.

9.5 Pengesanan Kes Keciciran

- 9.5.1 Pengesanan kes keciciran (*defaulter*) merupakan langkah kritikal dalam memastikan pelanggan terus mengamalkan perancang keluarga yang berkesan.
- 9.5.2 Kelangsungan dalam menggunakan perkhidmatan perancang keluarga dapat menunjukkan keberkesanan kaunseling dalam perkhidmatan ini. Khidmat nasihat yang diberikan kepada pelanggan semasa di klinik dan lawatan ke rumah adalah penting.
- 9.5.3 Bagi mengesan kes keciciran, petugas kesihatan hendaklah menggunakan Panduan Mengesan Kes Keciciran Perkhidmatan Perancang Keluarga (**Lampiran QAP/PK/07**).

9.5.4 Carta Alir Pengesanan Kes Keciciran Perkhidmatan Perancang Keluarga



9.6 Pengurusan Bekalan Bahan Kontraseptif

- 9.6.1 Pengurusan bekalan bahan kontraseptif yang berterusan (tidak terputus bekalan) merupakan satu lagi langkah kritikal dalam perkhidmatan perancang keluarga.
- 9.6.2 Anggaran keperluan bahan kontraseptif perlu disediakan di setiap peringkat pentadbiran agar masalah kekurangan bekalan tidak berlaku. Petugas kesihatan disarankan menggunakan panduan penyediaan anggaran keperluan dan urusan pembelian bahan kontraseptif (**lampiran QAP/PK/09**).
- 9.6.3 Proses pengurusan bekalan bahan kontraseptif melibatkan tiga (3) langkah penting:
 - i. membuat anggaran keperluan
 - ii. menguruskan pembelian
 - iii. mengawal dan memantau stok
- 9.6.4 Perolehan dan bekalan bahan kontraseptif diuruskan melalui dua (2) cara iaitu:
 - i. tender pusat (kontrak pusat perbendaharaan)
 - ii. pembelian ikut keperluan penggunaan
- 9.6.5 Petugas kesihatan disarankan menggunakan panduan pengawalan dan pemantauan stok kontraseptif di klinik kesihatan dan klinik desa (**lampiran QAP/PK/10**) semasa menguruskan stok bahan.
- 9.6.6 Senarai Semak Urusan Bekalan Bahan Kontraseptif (**lampiran QAP/PK/11**) digunapakai oleh penyelia bagi tujuan penyeliaan secara berkala.

10. Laporan Aktiviti Perancang Keluarga

10.1 Format Laporan/ Reten Di Setiap Peringkat

Setiap peringkat akan menggunakan borang yang khusus untuk menghantar laporan/ reten. Gunakan format **Laporan Amalan Perancang Keluarga Berkesan Dikalangan Pelanggan Berisiko**

QAP/PK/21 (Pind. 3/2014) - Indikator Penggunaan

Dilengkapkan oleh anggota kesihatan di peringkat KD/KK, Daerah, JKN setiap sukutahun (**Januari – Mac, April – Jun, Julai – September, Oktober – Disember**) dan tahunan dan dihantar ke KKM melalui reten gunasama BPKK di alamat e-mel **retenbpgk@moh.gov.my**.

QAP/PK/22 (Pind. 3/2014) - Indikator Kualiti

Dilengkapkan oleh anggota kesihatan di peringkat KD/KK, Daerah, JKN setiap 2 tahun dan dihantar ke KKM melalui reten gunasama BPKK.

Sumber maklumat diperolehi dari :

Buku Daftar Pengamal Perancang Keluarga PKW 101 Pind. 2/2007
 Buku Daftar Kes-kes Berisiko Yang Dikesan (QAP/PK/20).

11. Rujukan

- 11.1 Department of Statistic Malaysia: Vital Statistics Malaysia
- 11.2 Family Planning A Global Handbook For Providers (2008), World Health Organization Johns Hopkins Bloomberg School of Public Health, United States Agency for International Development
- 11.3 Ministry of Health (1986): Family Planning Information System Manual
- 11.4 Ministry Of Health Malaysia (2000): Report On The Confidential Enquiries Into Maternal Deaths In Malaysia 1995-1996.
- 11.5 Ministry of Health Malaysia: Annual Reports
- 11.6 Programme Of Action Of The UN ICPD: Family Planning <http://www.iisd.ca/linkages/Cairo/program/p07005.html>
- 11.7 Robert A.H et al.(2001): The Essentials Of Contraceptive Technology, The Johns Hopkins University School Of Public Health
- 11.8 Ross, J.A. and Winfrey, WL (2002): Unmet Need For Contraception In The Developing World And The Former Soviet Union: An Updated Estimate In International Family Planning Perspectives.
- 11.9 The Alan Guttmacher Institute (1999): Sharing Responsibility- Women, Society And Abortion Worldwide.
- 11.10 The Inter-Agency Group For Safe Motherhood (1997): The Safe Motherhood Action Agenda: Priorities For The Next Decade
- 11.11 UNFPA (1997): Report Of Proceedings - UNFPA expert consultation on Operationalising Reproductive Health Programmes (Arab States)
- 11.12 WHO (1996): Improving Access To Quality Care In Family Planning – Medical Eligibility Criteria For Contraceptive Use
- 11.13 WHO: Quality Of Family Planning Service Delivery – Improving The Quality Of Family Planning Services
http://www.who.int/reproductive-health/family_planning/delivery.html

Lampiran

SENARAI SEMAK KEADAAN KEHAMILAN BERISIKO

Arahan: Senarai ini hendaklah digunakan semasa mengenalpasti pelanggan berisiko.

Kod Risiko	Keadaan Risiko	Keterangan
1	Keadaan obstetrik yang luar biasa pada kandungan lalu	Merujuk kepada seorang ibu yang mempunyai sejarah obstetrik yang teruk/berisiko tinggi seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Pendarahan prapartum (<i>APH</i>) • Pendarahan pos-partum (<i>PPH</i>) • Pembedahan <i>LSCS, myomectomy, uterine repair</i> • <i>Hypertensive disorder in pregnancy</i> • Kencing manis semasa mengandung (<i>Gestational diabetes mellitus</i>) • <i>Anaemia</i> berulang semasa hamil (<i>Hb < 8g</i>)
2	Pariti 5 dan ke atas	Merujuk kepada 5 kali mengandung dan lebih (janin mencapai anggaran 22 minggu dan ke atas).
3	Jarak kelahiran	Jarak antara kandungan rapat dan kurang dari 2 tahun untuk kelahiran yang terakhir.
4	Umur \leq 18 tahun	Merujuk kepada penerima perancang keluarga yang berumur 18 tahun dan ke bawah.
5	Umur \geq 40 tahun	Merujuk kepada penerima perancang keluarga yang berumur 40 tahun dan ke atas.
6	Keadaan perubatan sekarang	Keadaan perubatan: <ul style="list-style-type: none"> • Penyakit jantung seperti lemah jantung dan kegagalan jantung • <i>Blood disorder</i> seperti talasemia major, leukemia • Penyakit buah pinggang kronik • Diabetes Mellitus • Kandungan anggur (<i>Molar Pregnancy</i>) • Kanser • <i>Anaemia (Hb < 8g)</i> • Lain-lain (nyatakan.....)
7	Penyakit berjangkit	HIV/ AIDS (wanita dan/atau pasangan).
8	Lain-lain indikasi	Merujuk kepada penerima yang mempunyai sebab-sebab tertentu seperti penyakit mental atau masalah sosial.

Rujukan:

1. Senarai Semak Mengikut Sistem Kod Warna Penjagaan Kesihatan Ibu dan Bayi, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM Edisi ketiga 2003 (Versi Semakan)
2. Buku Panduan Sistem Maklumat Perancang Keluarga, IDS, KKM: 1986
3. *Managing Preexisting Diabetes for Pregnancy - Consensus Statement Diabetes Care, volume 31, number 5, May 2008*
4. *Diabetes and pregnancy 2008 Clinical Practice Guidelines, Canadian Diabetes Association Clinical Practice Guidelines Expert Committee*



Kementerian Kesihatan Malaysia

 (Jenis risiko)

KAD PERANCANG KELUARGA SEMENTARA (*Muka Depan*)

NO.SIRI :

NAMA : _____

NO.K/PENGENALAN :

ALAMAT : _____

NO.TELEFON : _____

COP KLINIK : _____

Tarikh	T.Lahir Anak Terakhir	Jenis Risiko Ibu	Catatan	Tarikh Pap Smear	Kaunseling /Khidmat Nasihat	Tarikh Temu Janji	Tanda Tangan & Cop

PANDUAN PENGGUNAAN KAD PERANCANG KELUARGA SEMENTARA

Tujuan:

Untuk digunakan oleh pelanggan berisiko tinggi yang memilih kod 3 atau tidak amal:

Penggunaan Kad

Ibu postnatal dan pelanggan berisiko yang datang ke klinik pada bila-bila masa (*walk-in*) yang mengamal kod 3 atau tidak amal sebarang kaedah perancang keluarga selepas sesi kaunseling diberi.

Jadual Temujanji

- | | | |
|--------------------|---|---|
| Pertama | - | Lawatan pertama ke perkhidmatan postnatal/perancang keluarga |
| Lawatan seterusnya | - | Mengikut jadual temujanji anak atau mengikut masalah individu |

PANDUAN MENGISI KAD PERANCANG KELUARGA SEMENTARA

Tajuk	Arahan
Tarikh	Catitkan tarikh datang klinik
Tarikh Lahir Anak Terakhir	Catitkan tarikh lahir anak terakhir pelanggan
Jenis Risiko Ibu	Catitkan jenis risiko seperti yang dinyatakan dalam Lampiran QAP/ PK/01 Risiko Pastikan pelanggan mendapat rawatan mengikut jenis risiko dan rujuk doktor jika perlu
Catatan	Catitkan hasil pemeriksaan fizikal dan pemeriksaan rutin BMI, B/P, CBE Lakukan pemeriksaan postnatal dan pemeriksaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Body Mass Index (BMI) - Tekanan Darah - Pemeriksaan klinikal payudara - Pap Smear (ikut jadual)
Tarikh pap smear	Catitkan tarikh pap smear diambil dan keputusan
Kaunseling /Khidmat Nasihat	Catitkan kaunseling/ khidmat nasihat yang diberi Kaunseling Rujuk proses kaunseling dalam Protokol Penyiasatan Indikator Perancang Keluarga
Tarikh Temujanji	Catitkan tarikh temujanji
Tandatangan dan Cop	Gunakan cop jawatan dan tandatangan



Kementerian Kesihatan Malaysia

 (Jenis risiko)
KAD TEMU JANJI (Muka Depan)

NO.SIRI :

NAMA :

NO.K/PENGENALAN :

ALAMAT :

NO.TELEFON :

COP KLINIK :

Tarikh	Tarikh Lahir Anak Terakhir	Tarikh Mula Kaedah	Kaedah	Tarikh Temu Janji	Catatan

(Maklumat Faedah Merancang Keluarga di belakang kad)

PANDUAN PENGGUNAAN KAD TEMUJANJI

Tujuan:

Untuk memberi temujanji kepada pelanggan perancang keluarga termasuk yang berisiko

Penggunaan Kad Temujanji

1. Pelanggan yang mengamalkan perancang keluarga
2. Pelanggan berisiko yang memilih kod 3 atau tidak amal perancang keluarga

Bagi pelanggan berisiko kad temujanji ditag dengan warna biru

Jadual Temujanji

- Pertama - Lawatan pertama ke klinik postnatal
- Lawatan seterusnya - Mengikut jadual temujanji anak atau mengikut masalah individu

PANDUAN MENGISI KAD TEMUJANJI

Tajuk	Arahan
Tarikh	Catitkan tarikh datang klinik
Tarikh Lahir Anak Terakhir	Catitkan tarikh lahir anak terakhir pelanggan
Tarikh Mula Kaedah	Catitkan tarikh mula kaedah
Kaedah	Catitkan kaedah yang digunakan
Tarikh Temu Janji	Catitkan tarikh temujanji
Catatan	

PROSEDUR OPERASI PIAWAI BAGI AKTIVITI PERANCANG KELUARGA BERISIKO

PROSES	ANGGOTA BERTANGGUNG JAWAB	TEMPAT	MAKLUMAT/ DATA BERKENAAN	PROSEDUR OPERASI PIAWAI (S.O.P)	PIAWAI (STANDARD)	PERALATAN YANG DIPERLUKAN	SUMBER RUJUKAN (e.g Modul Latihan/Garis panduan)
